

**PERLEMBAGAAN BAGI  
PERTUBUHAN INDUK**  
**KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**  
(PPM-022-16-22062006)

**FASAL 1 NAMA**

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

Selepas ini disebut "Pertubuhan".

(2) Takrif Nama : **Kelab ini dikenali dengan nama Kelab Kebajikan Dan Sukan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia atau dengan singkatan KKSJKSM yang selepas ini disebut sebagai Kelab.**

(3) Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

**FASAL 2 TEMPAT URUSAN**

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C,KOMPLEKS ISLAM  
PUTRAJAYA,NO.20, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3,  
62100 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

dan alamat untuk surat-menurut adalah

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C,KOMPLEKS ISLAM  
PUTRAJAYA,NO.20, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3,  
62100 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

**FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT**

Objektif Kelab ialah:

- a) Mempereratkan hubungan antara ahli-ahli JKSM melalui aktiviti sosial, sukan dan rekreasi;
- b) Menjaga kebajikan ahli-ahli Kelab dengan syarat tiada faedah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1996.

#### **FASAL 4 KEAHLIAN**

Keahlian Kelab ini adalah secara automatik bagi setiap kakitangan tetap dan kontrak yang berkhidmat di JKSM dan tanggungjawab serta kelayakan ahli juga berkuatkuasa serta merta.

#### **FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI**

Ahli yang bertukar keluar dari JKSM secara automatik telah berhenti menjadi ahli Kelab.

#### **FASAL 6 SUMBER KEWANGAN**

1) Bayaran masuk tidak dikenakan.

2) Yuran bulanan ahli adalah mengikut kadar berikut:-

Jusa dan keatas -RM30.00  
Gred 54 -RM20.00  
Gred 48-52 -RM10.00  
Gred 41-44 -RM8.00  
Sokongan I-Kump.B -RM5.00  
Sokongan II-Kump. C -RM3.00  
Sokongan III-Kump.D -RM2.00

3) Yuran bulanan hendaklah dibayar melalui potongan gaji, atau terus kepada Bendahari terlebih dahulu dalam masa 10 hari dari awal setiap bulan.

4) Ahli Jawatankuasa boleh menerima sebarang bayaran pendahuluan yuran bulanan untuk tempoh yang dipersetujui oleh ahli sendiri.

5) Ahli yang tidak menjelaskan yuran selama tiga (3) bulan, satu surat peringatan akan dihantar. Ahli berkenaan hendaklah menjawab surat tunjuk sebab dalam tempoh 14 hari dari surat peringatan tersebut. Jika tiada alasan yang munasabah dikemukakan dalam tempoh tersebut maka segala faedah yang diberikan oleh kelab akan digantung sehingga tunggakan tersebut dijelaskan.

6)Kutipan wang daripada ahli-ahli untuk tujuan kebaikan, khairat kematian, sumbangan, pinjaman kecemasan dan lain-lain yang tidak layak diberi di bawah Fasal 15 Perlembagaan, boleh dibuat dengan persetujuan jawatankuasa atau Pengurus dan mana-mana 2 orang Ahli Jawatankuasa dalam keahlian Fasal 9(1)(b) sehingga 9(1)(f).

7)Pihak Kelab boleh menambahkan pendapatan melalui beberapa aktiviti di bawah kelolaan Kelab.

## **FASAL 7 MESYUARAT AGUNG**

1) Mesyuarat Agong Tahunan Kelab hendaklah diadakan setahun sekali dan bilangan ahli yang menghadiri mesyuarat ini hendaklah melebihi 50% dari jumlah keseluruhan ahli atau dua kali jumlah jawatankuasa, ikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agong bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan (korum) untuk mesyuarat.

2) Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan ahli.

3) Notis mengenai mesyuarat ini akan dikeluarkan sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh tersebut.

4) Satu laporan tahunan hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Kelab yang mengandungi:

- a) Laporan aktiviti sepanjang tahun.
- b) Laporan Kewangan dan penyata kewangan yang diauditkan.

5) Mesyuarat hendaklah:-

- a) Membentangkan Laporan Tahunan Kelab Kebajikan
- b) Membubarkan Jawatankuasa tahun semasa
- c) Melantik Jawatankuasa baru bagi tahun seterusnya
- d) Membincangkan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat.

6) Mesyuarat Agong Tahunan bagi pertubuhan hendaklah diadakan setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

7) Mesyuarat Agong Luar Biasa diadakan sekiranya:

- a) Permintaan ahli yang melebihi 50% untuk diadakan mesyuarat; atau
  - b) Di atas permintaan Pengerusi
- 8) Keputusan Mesyuarat Agong/Luar Biasa akan dibuat secara majoriti dan setiap keputusan adalah muktamad.
- 9) Ahli-ahli hendaklah dikehendaki menghadiri Mesyuarat Agong Tahunan. Ahli-ahli yang gagal berbuat demikian adalah dianggap bersetuju memberi kuasa di atas segala keputusan mesyuarat.
- 10) Pelantikan bagi ahli yang tidak hadir sebagai Ahli Jawatankuasa Kelab adalah sah/dibolehkan.

## FASAL 8 JAWATANKUASA

- 1) Kelab ini akan dikendalikan oleh jawatankuasa yang terdiri daripada:
- a) Pengerusi
  - b) Naib Pengerusi
  - c) Setiausaha
  - d) Penolong Setiausaha
  - e) Bendahari
  - f) Penolong Bendahari
  - g) Ahli Jawatankuasa seramai 7 orang
  - h) Dua orang Pemeriksa kira-kira
- Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan Penolong Bendahari adalah dilantik oleh Pengerusi dari kalangan ahli atau dari kalangan Ahli Jawatankuasa Biasa yang telah dilantik dalam Mesyuarat Agong atau secara undian sulit bagi mengisi kekosongan jawatan.
- 2) Penyandang-penayandang jawatan hendaklah terdiri daripada anggota JKSM. Pemilihan hendaklah dibuat secara undi majoriti.
- a) Pekerjaan Jawatankuasa ialah mengelola dan mengatur kerja-kerja harian Kelab dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Kelab dengan tidak terkeluar daripada dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agong. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agong dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa taat kepada keputusan Mesyuarat Agong. Jawatankuasa hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agong Tahunan.
  - b) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 7 hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama

boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

- c) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli Jawatankuasa dengan surat pekeliling.
  - d) Jika jawatan Pengerusi dikosongkan, Naib Pengerusi hendaklah secara automatik memegang jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agong Luar Biasa diadakan dalam masa 30 hari bermula dari tarikh jawatan dikosongkan.
  - e) Tempoh menjawat Jawatan di dalam kelab ini adalah selama dua (2) tahun, di mana tahun pertama diadakan Mesyuarat Agong dan Tahun kedua diadakan Mesyuarat Agong dan pemilihan Jawatankuasa baru.
  - f) Mana-mana anggota Jawatankuasa yang telah memegang Jawatan selama 2 penggal berturut-turut tidak boleh dilantik semula pada penggal berikutnya kecuali atas keizinan ahli tersebut.
- 3) Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

## FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

- 1) Pengerusi, dalam masa menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua Mesyuarat Agong dan semua Mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha atau Bendahari.
- 2) Naib Pengerusi hendaklah memangku Jawatan Pengerusi semasa ketiadannya.
- 3) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agong dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan alamat rumah tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi atau Bendahari. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agong Tahunan diadakan

mengirim penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan 1966.

- 4) Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.
- 5) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Kelab. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab ke atas kebetulannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi atau Setiausaha.
- 6) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

## FASAL 10 KEWANGAN

- 1) Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi undang-undang ini, wang Kelab ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Kelab, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai dan kakitangan yang bergaji, dan upah memeriksa kira-kira, tetapi walau bagaimana pun tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di Mahkamah.

Belanja pentadbiran termasuklah apa-apa belanja pengurusan hal ehwal kelab seperti kos minyak kenderaan, bil telefon, dan lain-lain yang dilakukan oleh mana-mana Ahli Jawatankuasa yang dipersetujui atau diluluskan oleh Pengerusi tidak melebihi RM200.00. Jika belanja pentadbiran tersebut dilakukan oleh Pengerusi, persetujuan atau kelulusan hendaklah dibuat oleh Naib Pengerusi bersama-sama dengan Setiausaha atau Bendahari. Jika belanja pentadbiran tersebut melebihi RM200.00, persetujuan atau kelulusan Jawatankuasa hendaklah diperolehi.

- 2) Bendahari dibolehkan untuk menyimpan wang runcit tidak melebihi RM500.00 pada sesuatu masa. Wang yang lebih dari jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu mestilah atas nama Kelab.
- 3) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari Kelab hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi dan Bendahari. Apabila ketiadaan Pengerusi, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Kelab.
- 4) Kadar perbelanjaan dan had kuasa dalam urusan perbelanjaan hendaklah mengikut Jadual 1 seperti berikut:-

Kadar/Had Perbelanjaan:

Perbelanjaan RM500 dan ke bawah bagi sesuatu masa atau aktiviti.

AJK/Forum yang meluluskan:

Boleh diluluskan oleh Pengerusi bersama Setiausaha atau Bendahari.

Kadar/Had Perbelanjaan:

Perbelanjaan melebihi RM500 tetapi tidak melebihi RM1,000 bagi sesuatu masa atau aktiviti.

AJK/Forum yang meluluskan:

Boleh diluluskan oleh Pengerusi bersama Setiausaha atau Bendahari dan seorang dalam kalangan AJK.

Kadar/Had Perbelanjaan:

Perbelanjaan melebihi RM1,000 tetapi tidak melebihi RM5,000 bagi sesuatu masa atau aktiviti.

AJK/Forum yang meluluskan:

Diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa.

5) Penyata daripada wang yang diterima dan dibelanjakan beserta imbalan kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira mengikut FASA 12, dengan seberapa segera setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agong Tahunan yang berikutnya, dan salinan-salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di alamat berdaftar atau di tempat mesyuarat bagi Kelab.

6) Tahun Kewangan Kelab ini bermula dari 1 Januari dan berakhir 31 Disember setiap tahun.

## FASAL 11 JURUAUDIT

1) Dua orang bukan pegawai Kelab boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agong Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-Kira Kelab. Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan boleh dilantik semula.

2) Pemeriksa kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Kelab bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agong Tahunan. Mereka juga harus dikehendaki pada bila-bila masa oleh Pengerusi mengaudit kira-kira Kelab bagi mana-mana di dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

## FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH

-

## FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

- 1) Di antara Mesyuarat-mesyuarat Agong, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.
- 2) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Agong, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agong.

## FASAL 14 **PENASIHAT / PENAUNG**

Ketua Pengarah JKSM secara automatik menjadi Penasihat Kelab.

## FASAL 15 **LARANGAN**

- 1) Segala jenis permainan berunsur perjudian tidak boleh dimainkan dalam rumah Kelab.
- 2) Kelab atau ahli-ahli tidak boleh mencuba, menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang atau mengambil peranan dalam gerakan persatuan sekerja seperti yang diterangkan di dalam Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.
- 3) Kelab ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Kelab atau pegawai-pegawaiinya atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
- 4) Faedah-faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 tidak boleh diberi oleh Kelab kepada mana-mana ahli Kelab ini.

## FASAL 16 **PINDAAN PERLEMBAGAAN**

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agong. Permohonan untuk perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai daripada tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## FASAL 17 **PEMBUBARAN**

- 1) Kelab ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga per lima jumlah semua ahli-ahli yang layak mengundi.
- 2) Sekiranya Kelab hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas maka

segala hutang dan tanggungjawab Kelab sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agong.

3) Kenyataan bersabit dengan pembubaran ini hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

## FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

### 1. Bendera

-

Keterangan

-

### 2. Lambang



Keterangan

1) Bentuk bulat berwarna biru merupakan satu lingkaran global yang menjadi nadi utama kepada ahli-ahli kelab untuk memacu perpaduan dan kerjasama berpasukan.

2) Huruf KKS adalah singkatan daripada maksud Kelab Kebajikan dan Sukan. Kedudukannya yang sedikit condong seumpama ingin memecut laju dan warna merah merupakan pembakar semangat ahli untuk terus berusaha dan mencapai matlamat.

3) Dua orang sedang beriadah sambil berpimpin tangan adalah simbolik kepada visi dan misi kelab ini dalam mengeratkan hubungan silatulrahim melalui aktiviti sosial, sukan dan rekripsi. Warna Biru bermaksud perpaduan dan Jingga pula kesetiaan.

4) Merupakan logo rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang menjadi naungan di bawah kelab ini.

### 3. Lencana

-

Keterangan

-

## FASAL 19 SUMBANGAN KEPADA KEBAJIKAN AHLI

Sumbangan kepada kebajikan ahli adalah seperti berikut:

## BIL PERKARA

1. Perkahwinan ahli (perkahwinan pertama) -Tidak melebihi RM200.00
2. Kelahiran (pertama) -RM50.00
3. Pertukaran ahli -Tidak melebihi RM100.00  
(Bagi kali kedua dan seterusnya, Ahli hendaklah berkhidmat tidak kurang dari setahun JKSM)
4. Bersara -Tidak melebihi RM100.00
5. Kematian -Tidak melebihi RM300.00
  - i. Ahli
  - ii. Keluarga Ahli  
(meliputi emak, ayah, suami/isteri, anak ahli sahaja)
6. Bencana alam ( ahli sahaja) -Tidak melebihi RM200.00
7. Rawatan Hospital (warded) -Tidak melebihi RM100.00  
(Untuk ahli sahaja) lebih 3 hari sekali setahun
8. Manunaikan Haji -Tidak melebihi RM100.00  
(yang pertama di JKSM)
9. Sumbangan untuk:
  - a) Hari Raya Aidilfitri & Aidilaidha -Akan ditentukan oleh pihak jawatankuasa
  - b) Mesyuarat Tahunan
  - c) Hari Keluarga
  - d) Pertukaran
10. Aktiviti untuk tujuan kebajikan, khairat kematian ahli atau keluarga ahli seperti suami atau isteri, anak dan ibu atau bapa ahli; dan untuk pinjaman kecemasan. - Tidak melebihi RM500.00

## FASAL 20 PENGADUAN

Sebarang pengaduan atau cadangan hendaklah dibuat secara rasmi dengan bertulis dan dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa untuk dipertimbangkan. Tandatangan dan nama penuh ahli yang membuat pengaduan atau cadangan hendaklah dinyatakan. Ahli Jawatankuasa tidak akan melayan sebarang pengaduan atau cadangan yang tidak mengikut peraturan ini.